


## Tidak dapat menggandingkan penjejak kecergasan HPB anda dengan aplikasi Healthy 365?

### Cuba langkah penyelesaian masalah ini!




#### Langkah 1

Semak sama ada aplikasi Healthy 365 dikemas kini kepada versi terkini dan pastikan telefon mudah alih dan penjejak kecergasan HPB anda berada berhampiran antara satu sama lain.




#### Langkah 2

Pastikan penjejak kecergasan HPB anda tidak tersilap digandingkan terus ke Bluetooth telefon anda. Jika ya, pergi ke "Tetapan" > "Bluetooth" > Pilih penjejak kecergasan HPB yang disambungkan > Teruskan ke "Lupakan Peranti/Nyahgandingkan" untuk menyahgandingkan daripada telefon mudah alih anda.



#### Langkah 3



Matikan Bluetooth telefon mudah alih anda dan kemudian hidupkan semula. Pastikan kedua-dua perkhidmatan Internet dan lokasi telefon mudah alih anda juga dihidupkan.



#### Langkah 4

Cuba gandingkan penjejak kecergasan HPB anda dengan aplikasi Healthy 365 sekali lagi.

## Bagaimanakah saya mengenal pasti penjejak kecergasan yang saya gandingkan?



#### Langkah 1

Pada tab 'Profil' aplikasi Healthy 365, ketik pada 'Penjejak Kecergasan Saya'.

#### Langkah 2

Sahkan bahawa Nama Mesra Bluetooth (BFN) bagi penjejak kecergasan HPB anda yang digandingkan sepadan dengan BFN yang dipaparkan pada aplikasi Healthy 365. Togol antara skrin pada penjejak kecergasan HPB anda untuk mencari BFN anda.